

**SEJARAH AMALAN PERHAMBAAAN DI
BORNEO UTARA 1800-1941**



APING SAJOK

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI KEMANUSIAAN SENI, DAN
WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2017**

**SEJARAH AMALAN PERHAMBAAAN DI
BORNEO UTARA 1800-1941**

APING SAJOK



TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH
SARJANA SASTERA

**FAKULTI KEMANUSIAAN, SENI DAN
WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2017**

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : **SEJARAH AMALAN PERHAMBAAAN DI BORNEO UTARA 1800-1941**

IJAZAH : **SARJANA SASTERA (SEJARAH)**

Saya **APING SAJOK**, Sesi **2013/2014**, mengaku membenarkan tesis sarjana ini disimpan di perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran Antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/) :

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD


UNIVERSITI MALAYSIA SABAH




APING SAJOK
MA1311007T



Disahkan Oleh,
NURULAIN BINTI ISM
LIBRARIAN


(Tandatangan Pustakawan)


Tarikh: 03 Ogos 2017


(Dr) Maureen De Silva
Penyelia

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

03 Ogos 2017



Aping Sajok
MA1311007T



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGHARGAAN

Syukur kepada tuhan kerana dengan berkatnya saya berjaya menyiapkan kajian bagi tujuan pengajian ijazah sarjana ini. Saya terhutang budi kepada semua kakitangan Arkib Negeri Sabah yang telah memberikan kerjasama kepada saya sepanjang menjalankan kajian ini. Tanpa mereka, sudah tentu saya akan menghadapi masalah dalam mendapatkan data yang saya perlukan. Penghargaan ini juga ditujukan kepada kakitangan Perpustakaan UMS, Perpustakaan Muzium Sabah, DBP Cawangan Sabah, Perpustakaan Penyelidikan Borneo Tun Fuad Stephen, Perpustakaan Negeri Sabah, Perpustakaan Awam Miri, Sarawak dan Perpustakaan Tun Sri Lanang, UKM.

Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada penyelia saya iaitu Dr. Maureen De Silva kerana memberi teguran, nasihat dan bimbingan yang tidak ternilai harganya sehingga terhasilnya kajian ini. Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada Encik Baszley Bee Basrah Bee, Dr. Md. Saffie Abdul Rahim, Encik Eko Prayitno Joko dan para pensyarah Progam Sejarah yang memberikan bimbingan dan teguran yang berharga ketika menjalankan kajian ini.

Sekalung ingatan yang tidak terhingga kepada ibu bapa saya, Sajok Kurubot dan Jaminah Torui kerana sokongan dan doa yang tidak pernah putus. Tidak lupa juga dengan Rusman, Juslin, Amjali, Amsah, Asman, Alex, Shamsinor, Jeewie, Rosemary, Rosni, Rosdina, Rakna, Siti Norikwanieza dan Caro Ranchak. Sudah pasti sokongan moral, kewangan dan dorongan adik-beradik & anggota keluarga adalah kekuatan utama disebalik kejayaan menamatkan pengajian saya. Kepada sahabat saya iaitu Zainuddin Baco, Amy Azuan Abdullah dan semua rakan yang tidak sempat saya sebutkan disini. Terima kasih kerana banyak membantu saya. Akhir sekali, terima kasih kepada semua pihak yang telah membantu secara langsung atau tidak langsung sepanjang saya menyiapkan kajian ini.

Aping Sajok
28 Julai 2017

ABSTRAK

Kajian mengenai sejarah perhambaan ini bertujuan untuk menilai aktiviti perhambaan di Borneo Utara dari tempoh 1800-1941 dan faktor yang menyebabkan tercetusnya dasar penghapusan oleh North Borneo Company (NBC)). Penyelidikan ini banyak berpandukan kepada maklumat yang diperolehi daripada sumber primer seperti akhbar, diari, rekod kerajaan, laporan tahunan, surat persendirian, dokumen parlimen, dan laporan badan antarabangsa. Kajian mendapati bahawa perhambaan di Borneo Utara dimanifestasikan dalam dua bentuk iaitu sistem perhambaan tradisional yang diamalkan turun-temurun oleh penduduk peribumi, dan sistem perhambaan moden seperti sistem buruh kontrak dan sistem *Mui Tsai* rentetan badan antarabangsa yang menyatakan terma dan amalan kedua-duanya sebagai suatu perhambaan yang perlu dihapuskan. Penghapusan kepada semua bentuk perhambaan telah dilakukan melalui penguatkuasaan undang-undang ekoran daripada pengaruh keadaan semasa seperti tekanan antarabangsa, perbezaan budaya dan persepsi terhadap makna perhambaan itu sendiri, dan atas kepentingan dan kelangsungan ekonomi.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRACT

HISTORY OF SLAVERY IN NORTH BORNEO 1800-1941

This study intends to assess the manifestation of slavery its evolution and different perspectives which brought to the abolition of Slavery by North Borneo Company. The research relies heavily on primary sources such as newspapers, diaries, government records, annual reports, private letters, parliamentary documents, and reports from philanthropic organisations. The study finds that slavery in British North Borneo was manifested in two forms, namely the traditional kind of slavery practiced for generations by the indigenous population, and the new forms of slavery as defined by international law in the likes of the indentured system of labour and the Mui Tsai system. Additionally, the study also reveals that the abolition of slavery, be it the traditional or new kind of slavery, was legally enforced due to international pressure, cultural differences, differing perceptions on the meaning of slavery itself, and in the interest of economic survival.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI KANDUNGAN

Halaman

TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xiv
BAB 1 : LATAR BELAKANG KAJIAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian	2
1.3 Objektif Kajian	3
1.4 Sorotan Literatur	4
1.5 Kepentingan Kajian	19
1.6 Kaedah Kajian	20
1.7 Skop Batasan Kajian	22
1.8 Pembahagian Bab	24
1.9 Kesimpulan	25
BAB 2 : KONSEP PERHAMBaan SECARA UMUM	27
2.1 Pengenalan	27

2.2	Konsep Perhambaan Secara Umum	28
2.3	Perhambaan dalam Kebudayaan Eropah	30
2.4	Perhambaan dalam Kebudayaan Asia	36
2.5	Perhambaan dalam Kebudayaan Afrika	42
2.6	Perhambaan dalam Kebudayaan Borneo	45
2.7	Perbandingan Perspektif Umum Perhambaan dalam Kebudayaan Eropah, Afrika dan Asia	56
2.8	Kesimpulan	60
BAB 3 :	BENTUK AMALAN PERHAMBAAN TRADISIONAL DI BORNEO UTARA SEBELUM 1900	61
3.1	Pengenalan	61
3.2	Jenis-jenis Hamba di Borneo Utara	62
3.2.1	<i>Ulun ulih Pesaka</i>	62
3.2.2	<i>Ulun ulih Beli</i>	63
3.2.3	Hamba Berhutang	64
3.2.4	Hamba Warisan	67
3.2.5	Pengikut (Pengawal Pembesar dan Golongan Bangsawan)	70
3.3	Kepentingan Hamba di Borneo Utara	70
3.3.1	Pengaruh Politik	70
3.3.2	Aktiviti Maritim	72
3.3.3	Ketenteraan	75
3.3.4	Aktiviti Pertanian	76
3.3.5	Perdagangan Hamba	77
3.3.6	Upacara Tradisional	82
3.4	Penglibatan Kaum di Borneo Utara dalam Perhambaan	84
3.4.1	Masyarakat Iranun	84
3.4.2	Masyarakat Bajau	87
3.4.3	Balangingi	89
3.4.4	Murut	90
3.4.5	Brunei	93
3.4.6	Kadazandusun	94

3.5	Kawasan Yang Dominan Berlakunya Amalan Perhambaan	95
3.5.1	Kawasan Pantai Timur Borneo Utara	95
3.5.2	Kawasan Pantai Barat Borneo Utara	97
3.6	Peranan Pemerintah di Borneo Utara dalam Aktiviti Perhambaan	98
3.6.1	Kedatuan Sulu	98
3.6.2	Pembesar Kesultanan Brunei	105
3.6.3	Pembesar Bebas	108
3.7	Penindasan Terhadap Golongan Hamba	110
3.8	Kesan Perhambaan Terhadap Masyarakat Borneo Utara	113
3.8.1	Meruntuhkan Institusi Kekeluargaan	113
3.8.2	Kehilangan Nyawa	114
3.8.3	Sukar Menyara Keluarga Sendiri	116
3.10	Kesimpulan	116
BAB 4 :	PENGHAPUSAN PERHAMBAAAN TRADISIONAL DI BORNEO UTARA	118
4.1	Pengenalan	118
4.2	Dasar Penghapusan Perhambaan di Peringkat Antarabangsa	119
4.2.1	Desakan <i>World Anti-Slavery</i> dan <i>Anti-Slavery International</i> .	120
4.3	Dasar Penghapusan Perhambaan di Borneo Utara Sebelum Tahun 1881	122
4.3.1	Penghapusan Perhambaan oleh Kesultanan Brunei	123
4.3.2	Penghapusan Kegiatan Perdagangan Hamba oleh British dan Sepanyol.	125
4.4	Proklamasi dan Undang-Undang Berkaitan Penghapusan Perhambaan Selepas Tahun 1881	131
4.5	Reaksi Terhadap Penghapusan Amalan Perhambaan	138
4.6	Kesimpulan	142
BAB 5 :	PERHAMBAAAN MODEN DI BORNEO UTARA	143
5.1	Pengenalan	143
5.2	Perhambaan Moden di Borneo Utara	144

5.2.1	Buruh Kontrak	149
a.	Eksplotasi Gaji Buruh	154
b.	Pekerjaan	158
c.	Kebebasan Buruh	159
d.	Sikap Majikan Terhadap Buruh	160
e.	Kesihatan dan Kebajikan Buruh	162
5.2.2	<i>Mui Tsai</i>	168
5.3	Penghapusan Buruh Kontrak	172
5.4	Penghapusan <i>Mui Tsai</i>	174
5.5	Kesimpulan	178
 BAB 6 : RUMUSAN		179
RUJUKAN		187
LAMPIRAN		201



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 3.1 : Tafsiran Harga Bagi Hamba di Pasaran Borneo Utara	67
Jadual 5.1 : Jumlah Kemasukan Buruh Kontrak Jawa di Borneo Utara Mengikut Tahun.	148
Jadual 5.2 : Jumlah Kematian Buruh Jawa di Borneo Utara Mengikut Tahun (1914-1932)	165
Jadual 5.3 : Jumlah <i>Mui Tsai</i> Yang Didaftarkan Mengikut Tahun (Mei 1934-Julai 1941).	170
Jadual 5.4 : Jumlah <i>Mui Tsai</i> Yang Berdaftar Dalam <i>Chinese Protectorate's Office</i> Pada Tahun 1934-1940.	171
Jadual 5.5 : Jumlah <i>Mui Tsai</i> yang Didaftar dan Disingkirkan Sekitar Ogos 1930 sehingga Disember 1936.	176
Jadual 5.6 : Punca dan Jumlah Pengurangan <i>Mui-Tsai</i> di Borneo Utara	178



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 3.1 : Carta Alir Perdagangan Hamba Di Borneo Utara.	80
Rajah 3.2 : Susun Lapis Masyarakat Tradisional Iranun.	86
Rajah 3.3 : Lokasi Petempatan Suku Murut Timogun	91
Rajah 3.4 : Kedudukan Teluk Darvel yang Berfungsi sebagai Pusat Perdagangan Hamba di Borneo Utara	96
Rajah 3.5 : Kedudukan Teluk Marudu dan Tempasuk yang terkenal dengan Kegiatan Amalan Perhambaan di Borneo Utara	98
Rajah 3.6 : Carta Sosial Masyarakat Brunei dalam Kesultanan Brunei Yang Diubahsuai Daripada Kajian D.E Brown	107



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

ADEK	<i>Algemeen Delisch Emigratie Kantoor</i>
ANS	Arkib Negeri Sabah
ASAPS	<i>The Anti Slavery & Aborigines Protection Society</i>
BFASS	<i>British and Foreign Anti-Slavery Society</i>
C.O	<i>Colonial Office</i>
ILO	<i>International Labour Organization</i>
NBCA	<i>North Borneo Central Archives</i>
NBC	<i>North Borneo Company</i>
PRO	<i>Public Record Office</i>

S.M

Sebelum Masihi



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

LATAR BELAKANG KAJIAN

1.1 Pengenalan

Amalan perhambaan dalam kalangan masyarakat peribumi Borneo Utara telah wujud sejak era pemerintahan Kesultanan Brunei dan Kesultanan Sulu. Perhambaan telah menjadi budaya yang telah diterima dalam penduduk peribumi meskipun wujudnya kritikan dan tentangan dalam kelompok yang kecil daripada golongan yang dijadikan hamba. Amalan perhambaan yang berleluasa dalam kalangan masyarakat peribumi tidak disokong oleh pihak Barat yang bermula dengan tindakan ketenteraan oleh James Brooke dan seterusnya oleh North Borneo Company (NBC) (Syarikat Borneo Utara) di Borneo Utara yang telah menjalankan dasar penghapusan terhadap amalan ini secara rasmi melalui pengurniaan Piagam DiRaja. Penghapusan ini adalah berasaskan kepada persepsi Barat tentang perhambaan yang berbeza dengan penduduk peribumi di rantau Asia Tenggara khususnya Borneo Utara.

Tindakan pihak Barat yang menghapuskan sistem perhambaan sekaligus mengubah struktur sosial masyarakat peribumi telah menimbulkan reaksi pelbagai dari dalam kalangan masyarakat ini. Namun, pada masa yang sama kedatangan kuasa Barat juga dipercayai telah membentuk suatu jenis perhambaan berdasarkan dasar buruh kontrak dan kewujudan amalan *Mui Tsai* yang dianggap sebagai sebahagian daripada perhambaan seperti yang dinyatakan oleh Liga Bangsa dalam *Slavery Convention 1926* dan *International Labour Organization (ILO)* melalui *Forced Labour Convention 1930*. Sorotan literatur yang dijalankan mendapati penulisan lebih banyak menjurus kepada perhambaan tradisional dan reaksi masyarakat peribumi terhadap dasar penghapusan perhambaan tersebut. Kemunculan perhambaan moden di Borneo Utara ada dibincangkan namun ia tidak dikaitkan dengan fenomena tersebut sebagai suatu bentuk perhambaan. Oleh itu,

kajian ini akan cuba untuk mengisi kelompangan tersebut dan seterusnya memberi perspektif baharu mengenai perhambaan di Borneo Utara.

1.2 Permasalahan Kajian

Perhambaan merupakan suatu tradisi penting dalam kehidupan masyarakat peribumi Borneo Utara. Hamba banyak memainkan peranan penting dalam semua bidang seperti pertanian, perdagangan dan dalam aspek ketenteraan. Memiliki hamba melambangkan kemegahan, status, kekayaan, keperwiraan, dan sebagainya. Walau bagaimanapun, setelah pertapakan NBC mereka bertindak menjalankan dasar penghapusan amalan perhambaan sejajar dengan perkembangan yang berlaku di peringkat global pada ketika itu yang menentang keras sistem perhambaan dan memperjuangkan penghapusannya di semua koloni mereka.

Namun demikian, apabila perhambaan tradisional di Borneo Utara berjaya dikekang sepenuhnya oleh pihak pemerintah, wujud pula beberapa keadaan yang dianggap sebagai suatu bentuk perhambaan ketika itu berdasarkan kepada terma yang dikeluarkan oleh badan antarabangsa. Perkembangan pengambilan buruh kontrak untuk sektor perladangan serta orang gaji yang dikenali sebagai *Mui Tsai* dalam kalangan keluarga Cina di Borneo Utara telah dianggap sebagai perhambaan moden. Tanggapan ini berdasarkan takrifan undang-undang antarabangsa yang telah menetapkan peruntukan tertentu mengenai keadaan yang boleh dianggap sebagai sebahagian daripada bentuk perhambaan.

Sehubungan dengan itu, wujud satu situasi yang melibatkan NBC dimana mereka telah menegakkan prinsip mereka tentang hak asasi manusia dengan menghapuskan amalan perhambaan tradisional yang sudah lama diamalkan oleh penduduk peribumi. Namun demikian, dalam satu keadaan yang lain mereka telah melaksanakan "dasar" perhambaan mereka sendiri apabila mereka telah meletakkan buruh kontrak di Borneo Utara di bawah satu sistem perburuhan yang telah dilabelkan sebagai suatu bentuk perhambaan oleh perundangan antarabangsa. Manakala, amalan *Mui Tsai* telah mendapat tentangan oleh pihak antarabangsa ekoran daripada perspektif yang menyatakan bahawa ia adalah sebahagian daripada perhambaan. Justeru, kajian ini akan mengkaji dinamika dalam perhambaan yang wujud di Borneo Utara dan menilai bagaimana amalan

perhambaan ini telah dilaksanakan serta dihapuskan ekoran daripada perspektif yang pelbagai.

Permasalahan mengenai kajian ini telah membawa kepada beberapa persoalan yang perlu dijawab. Persoalan yang pertama apakah yang dimaksudkan dengan "perhambaan" mengikut perspektif kebudayaan Barat dan Timur?. Persoalan kedua ialah bagaimanakah bentuk amalan perhambaan yang berlaku di Borneo Utara sebelum tahun 1900?. Seterusnya persoalan yang ketiga ialah apakah tindakan pihak NBC dalam menangani aktiviti perhambaan serta reaksi masyarakat tempatan terhadap dasar penghapusan perhambaan oleh pihak NBC. Manakala persoalan keempat ialah bagaimanakah kewujudan sistem buruh kontrak dan amalan *Mui Tsai* membawa kepada perhambaan moden di Borneo Utara dan mengapa amalan perhambaan tersebut dihapuskan?.

1.3 Objektif Kajian

Dalam penyelidikan ini, objektif yang pertama ialah bertujuan untuk memahami konsep perhambaan menurut perspektif kebudayaan Eropah, Afrika dan Asia termasuklah Borneo. Selain itu, perbandingan antara konsep dan perspektif perhambaan dalam kebudayaan Barat dan Timur turut dibincangkan dalam objektif yang pertama ini.

Objektif yang kedua ialah, menjelaskan bentuk amalan perhambaan yang berlaku di Borneo Utara sehingga 1900. Perbincangan juga akan menilai sejauhmana peranan golongan bangsawan mengenai keterlibatan mereka dalam perhambaan serta melihat bagaimana perdagangan hamba di Borneo Utara mempengaruhi amalan perhambaan yang berleluasa.

Seterusnya, objektif ketiga ialah meneliti dasar penghapusan amalan perhambaan tradisional oleh NBC dan reaksi masyarakat di Borneo Utara mengenai penghapusan amalan perhambaan tersebut.

Manakala objektif keempat adalah menilai sistem buruh kontrak dan amalan *Mui Tsai* sebagai suatu bentuk sistem perhambaan moden di Borneo Utara dan langkah yang membawa kepada penghapusannya.

1.4 Sorotan Literatur

Konsep perhambaan yang terdapat di negara Timur sememangnya berbeza dengan amalan yang terdapat di negara Barat. Menurut D.J Steinberg (1981), perhambaan di Asia Tenggara menjadi budaya di kebanyakan tempat yang mana terdapat beberapa jenis hamba tradisional seperti hamba warisan, hamba bukan warisan, hamba sementara dan hamba tetap.¹ Walaupun kedatangan Islam dan Kristian di Asia Tenggara telah melarang perhambaan akan tetapi masyarakat yang belum menganut kedua-dua agama ini tetap mengamalkan perhambaan. Namun penggunaan hamba di Asia Tenggara telah berubah menjelang akhir abad ke-18 apabila hamba berhutang dikatakan lebih dominan berbanding jenis hamba yang lain. Hal ini berlaku hampir di semua kawasan Asia Tenggara terutamanya Thailand dan Tanah Melayu. Apa yang menarik, golongan hamba kadangkala hidup bebas kerana mempunyai hubungan baik dengan pemilik atau tuan mereka sehingga mereka tidak terbeban dengan kerja berat yang lazimnya dilakukan oleh golongan hamba pada zaman tersebut.

Azmah Abdul Manaf (2001) yang menulis tentang perbezaan antara hamba abdi dan hamba berhutang pula menyatakan bahawa hamba abdi tidak mendapat pengiktirafan daripada masyarakat kerana faktor asal-usul seperti tawanan perang, jenayah berat dan sebagainya. Hamba berhutang pula mendapat pengiktirafan kerana mereka ini merupakan rakyat biasa yang menjadi hamba kerana tidak dapat membayar kembali hutang menyebabkan terpaksa bekerja dengan si pemiutang sehingga hutang mereka telah langasai. Selain itu, peluang untuk merdeka bagi hamba abdi adalah amat tipis jika dibandingkan dengan hamba berhutang. Manakala, hamba berhutang hanya akan bebas selepas mereka berjaya melangsaikan hutang mereka sementara hamba abdi pula akan menjadi hamba

¹ D.J Steinberg *et.al*, *Mengenai Sejarah Asia Tenggara Moden*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1981.

selagi tidak dimerdekakan oleh tuannya. Seterusnya, karya beliau juga turut menyentuh serba sedikit mengenai amalan perhambaan yang terdapat di Tanah Melayu. Namun demikian, penulis tidak menyentuh secara langsung mengenai aspek yang berkaitan mengenai kajian ini di kawasan Borneo Utara walaupun pada dasarnya amalan perhambaan dalam masyarakat tradisional diharamkan oleh NBC juga turut memberikan pengaruh besar dalam kebangkitan menentang penjajah akibat penghapusan amalan perhambaan tersebut.²

Konsep hamba juga turut dibincangkan oleh Mohd Yusoff Hashim (1989) yang menjurus kepada konsep perhambaan yang berlaku di dalam kerajaan awal Melaka khususnya ketika pemerintahan Sultan Muzaffar Shah. Melalui karya ini, ia dapat memberikan gambaran terhadap penggunaan hamba serta bagaimana kewujudan golongan hamba dalam masyarakat Melayu. Selain itu, persoalan mengenai penerimaan golongan hamba sebagai suatu kelas dalam struktur masyarakat dapat dibuktikan dengan keadaan yang berlaku di dalam Kesultanan Melayu Melaka pada ketika itu. Malahan, golongan hamba dikatakan antara kelompok masyarakat yang lebih dekat dengan kerabat istana sedangkan taraf mereka hanya sebagai hamba. Ini menunjukkan pengiktirafan oleh masyarakat pada zaman tersebut terhadap golongan hamba seperti mana yang dijelaskan oleh Mohd Yusoff Hashim dalam karya ini.³

Manakala di negara Barat, Jeremy Black (2011) menjelaskan konsep perhambaan yang telah menjadi amalan oleh masyarakat Barat yang mana perhambaan yang berlaku dalam skala yang besar telah menjadi masalah yang rumit menjelang abad ke-19 apabila golongan tersebut telah mula dipengaruhi oleh pejuang hak kebebasan yang menyeru supaya perhambaan dihapuskan. Perjuangan pembebasan hamba ini disebabkan kesengsaraan hamba yang dilayan secara tidak berperikemanusiaan sejak zaman empayar Rom lagi. Kajian ini amat penting kerana akan memberikan gambaran terhadap perhambaan yang berlaku di Eropah dan

² Azmah Abdul Manaf, *Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, 2001.

³ Mohd Yusoff Hashim, *Kesultanan Melayu Melaka; Kajian Beberapa Aspek tentang Melaka pada Abad Ke-15 dan Abad Ke-16 dalam Sejarah Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989.

Amerika hinggalah ia mulai dihapuskan, keadaan hamba yang tertindas di Eropah telah menimbulkan persepsi bahawa amalan perhambaan adalah sesuatu yang salah dan harus dihapuskan. Persepsi tersebut turut dibawa di koloni mereka termasuklah Borneo Utara.⁴

Menurut Ivan E. McDougale (1981), kegiatan perhambaan di Barat lazimnya digunakan untuk perkhidmatan domestik terutamanya yang melibatkan kegiatan ekonomi rantau Eropah. Hal ini dapat dibuktikan daripada sebilangan besar tuan tanah yang memiliki kawasan perladangan yang besar menggunakan khidmat hamba Negro dalam mengerjakan tanah ladang milik mereka. Selain itu, McDougale (1981) juga menyatakan fungsi lain hamba di Kentucky juga dijadikan sebagai hamba yang diperdagangkan. Terdapat beberapa faktor yang membawa kepada perdagangan hamba iaitu, apabila hamba itu sendiri sukar dikawal oleh tuannya. Kedua, penjualan hamba juga merupakan salah satu alternatif untuk melangsaikan hutang.

Seterusnya, penjualan hamba terjadi apabila tuannya ingin mengurangkan tenaga kerja untuk mendapatkan keuntungan dari aspek penjanaan kewangan. Karya ini amat penting dalam kajian terhadap amalan perhambaan kerana ia turut menghuraikan mengenai peranan hamba Afrika yang dibawa masuk untuk menjalankan kerja domestik serta faktor yang mencetuskan perdagangan hamba yang berlaku di sekitar Eropah, Amerika dan Afrika.⁵ Dalam aspek penggunaan hamba, Akosua Perbi (2001) berpendapat bahawa perhambaan tradisional di negara Barat tertumpu kepada enam aspek utama iaitu dalam bidang ekonomi iaitu pertanian dan perdagangan, pentadbiran dan ketenteraan, keperluan persendirian dan juga untuk upacara ritual. Hal ini bermakna, perhambaan yang terjadi dalam perkembangan tamadun awal di Eropah turut berkait rapat dengan faktor ekonomi dan pengukuhan kuasa.⁶

⁴ Jeremy Black, *Slavery; A New Global History*, Philadelphia: Running Press Book Publishers, 2011.

⁵ Ivan E. McDougale, The Development of Slavery, *The Journal of Negro History*, Vol. **3** (3), 1981.

⁶ Akosua Perbi, *Slavery and the Slave Trade in Pre-Colonial Africa*, Indiana: Manchester College, 2001.

Manakala sarjana yang mengkaji mengenai konsep perhambaan dalam Islam pula menentang sebarang bentuk penindasan terhadap golongan hamba. Namun perkara penting ialah Islam tidaklah menggalakkan dan pada masa yang sama tidak juga menentang pengambilan hamba selagi golongan hamba dilayan seperti manusia yang lain. Menurut Mohammed Ennaji (2013), Islam memerintahkan agar semua yang memiliki hamba haruslah melayan hamba milik mereka dengan penuh kebaikan dan kebajikan mereka haruslah dijaga dengan baik. Selain itu, Islam juga menggalakkan umatnya supaya membebaskan atau memerdekakan hamba yang sudah terlalu lama berkhidmat untuk mereka.⁷

Kajian lepas yang menyentuh mengenai amalan perhambaan di Borneo Utara mendapati amalan perhambaan sebenarnya telah lama wujud di Kepulauan Borneo sebelum kedatangan kuasa kolonial lagi. Pada waktu tersebut, hamba sebenarnya dianggap sebagai suatu institusi sosial di Kepulauan Melayu walaupun wujudnya perdagangan hamba.⁸ Seperti yang dinyatakan oleh Abdul Rahman (2005), beliau telah membincangkan dengan jelas mengenai kewujudan golongan hamba dalam hierarki masyarakat tradisional di Borneo. Amalan perhambaan ini dikenali dengan gelaran yang berbeza dalam setiap suku. Sebagai contoh, dalam tradisi masyarakat Kayan dan Kenyah, hamba yang diletakkan dalam lapisan yang paling bawah dikenali sebagai *panyin lamin*. Manakala masyarakat Kayan dan Melanau pula menggelar golongan hamba sebagai *dipen*.⁹

Perhambaan ini turut dijelaskan oleh Edwin H. Gomes (2004) yang mendakwa dalam masyarakat Dayak terdapat dua kelas utama hamba iaitu hamba tawanan dan hamba berhutang.¹⁰ Dalam kehidupan hamba tersebut, mereka dibenarkan untuk berkahwin sesama mereka dan kadangkala diberikan bilik sendiri di rumah panjang masing-masing. Hamba jenis ini dikenali sebagai "hamba di luar

⁷ Mohammed Ennaji, *Slavery, The State, and Islam*, New York: Cambridge University Press, 2013.

⁸ Bianca Maria Gerlich, *Marudu 1845: The Destructions and Reconstruction of a Coastal State in Borneo*, Hamburg: Abera Publisher, 2003.

⁹ Abdul Rahman Haji Ismail (Penyunting), *Malaysia; Sejarah Kenegaraan dan Politik*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005.

¹⁰ Edwin H. Gomes, *Seventen Years Among; Sea Dyaks of Borneo*, Kota Kinabalu: Natural History Publications, 2004.

bilik". Selain itu, golongan hamba ini juga dibenarkan untuk menanam padi huma bagi keperluan mereka sendiri. Keadaan ini jelas menunjukkan golongan hamba dalam masyarakat Kenyah dan Kayan tidak teraniaya dan dizalimi seperti mana yang wujud dalam sesetengah masyarakat yang lain.

Jerome Rousseau (1990) turut mengulas dengan panjang lebar mengenai kewujudan amalan perhambaan di Borneo. Budaya ini juga turut diamalkan oleh beberapa kaum terutamanya kaum yang tinggal di kawasan pedalaman seperti masyarakat Kayan, Kenyah dan Murut. Hamba yang mereka miliki turut sama fungsinya seperti golongan hamba yang berada di tempat lain iaitu digunakan untuk kepentingan keluarga masing-masing. Golongan hamba ditugaskan untuk membuat kerja asas seperti terlibat dalam sektor pertanian, memasak, menanam padi dan mengumpul kayu api. Walau bagaimanapun, Rousseau berpendapat amalan memiliki hamba di kawasan seperti di Trusan agak berbeza kerana mereka dibenarkan untuk berkahwin walaupun pasangan tersebut berasal daripada tempat yang berbeza.¹¹

Dalam karya Siti Aidah Haji Lokin (2007) beliau turut menjelaskan mengenai peranan Kedatuan Sulu yang menjadi pembesar dalam kalangan masyarakat peribumi. Pembesar ini bertindak membuka penempatan di sekitar Teluk Marudu dan Teluk Darvel bagi menguasai sumber laut seperti mutiara, gamat dan hasil hutan seperti damar, rotan, madu dan sarang burung yang bernilai tinggi pada waktu tersebut. Pembukaan penempatan ini dilakukan bersama pengikut dan hamba yang mereka miliki.¹² Ini jelas menunjukkan bahawa golongan hamba juga turut memainkan peranan yang sangat penting semasa era pemerintahan tradisional. Maklumat yang terdapat dalam karya mereka akan membantu penyelidikan ini khususnya untuk menjelaskan peranan golongan hamba dalam masyarakat.

¹¹ Jerome Rousseau, *Central Borneo: Ethnic Identity and Social Life in Stratified Society*, New York: Oxford University Press, 1990.

¹² Siti Aidah Haji Lokin, *Perubahan Sosioekonomi dan Pentadbiran Masyarakat Peribumi Sabah (1881-1963)*, Kota Kinabalu: Penerbit UMS, 2007.

Manakala dalam kajian dijalankan oleh Jaidi Kadim (2000) mengenai masyarakat Iranun, hamba turut dikategorikan dalam lapisan terakhir hierarki masyarakat Iranun. Jaidi turut menyatakan konsep pemilikan hamba dalam masyarakat Iranun yang mana mempunyai peranan sendiri melalui jantina hamba itu sendiri.¹³ Kajian seumpama ini amat penting dalam penyelidikan ini kerana ia menerangkan mengenai amalan atau peraturan yang digunakan oleh pemilik hamba dalam menguruskan hamba yang sudah menjadi milik mereka. Selain itu, ia juga turut membantu penulis dalam memahami konsep perhambaan tradisional dalam masyarakat tempatan di Borneo Utara khusus masyarakat Iranun.

Menurut Aidah (2004), amalan perhambaan ini kemudiannya telah dihapuskan setelah kedatangan penjajah Barat iaitu NBC yang memperkenalkan undang-undang melarang amalan perhambaan pada awal zaman pentadbiran mereka. Walau bagaimanapun, beliau kurang mengulas mengenai bagaimana peranan golongan hamba tersebut dalam kalangan masyarakat Bisaya khususnya penglibatan golongan hamba dalam bidang ekonomi mahupun ketenteraan seperti yang telah wujud dalam kalangan kaum yang lain di Borneo. Karya beliau ini lebih fokus kepada peranan golongan hamba kepada golongan atasan iaitu sebagai lambang pengaruh dan kekuatan politik seseorang dalam komuniti masyarakat Bisaya.¹⁴ Menurut beliau, masyarakat Bisaya yang berada di Borneo mempunyai struktur sosial yang serupa iaitu golongan hamba dimiliki oleh pemimpin masyarakat seperti *Janang*, Panglima, Orang Kaya dan Imam. Golongan hamba yang dikenali sebagai *Udipon* atau *Ulu* dibahagikan kepada tiga kategori iaitu hamba secara warisan (turun-temurun), hamba yang dibeli dan juga hamba berhutang. Dalam masyarakat Bisaya, jumlah hamba merupakan lambang status dan pengaruh mereka. Semakin ramai hamba yang dimiliki maka semakin besar pengaruh mereka dalam sesebuah komuniti tersebut.

¹³ Jaidi Kadim, *Suku Kaum Iranun Di Sabah: Satu Kajian Tentang Adat Yang Diamalkan Hingga Kini*, Selangor, Jabatan Sejarah Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan UKM, (t.t) 2000.

¹⁴ Siti Aidah Haji Lokin, *Sejarah, Sosioekonomi dan Kebudayaan Suku Kaum Bisaya Sabah* dalam Mohd Sarim Haji Mustajab (Penyunting), *Warisan Budaya Sabah*, Universiti Malaysia Sabah: Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, 2004.

Francis James Warren (1981) telah menjelaskan secara terperinci tentang kewujudan amalan perhambaan dalam masyarakat peribumi Borneo seperti yang berlaku pada zaman Kesultanan Sulu. Kegiatan perhambaan yang dijalankan oleh pembesar yang menjadi wakil Kesultanan Sulu sememangnya berleluasa seperti yang berlaku di kawasan Teluk Marudu ketika dibawah kekuasaan Syarif Osman. Warren telah menyatakan kepentingan hamba terhadap kerajaan tempatan seperti dalam bidang ekonomi dan aspek ketenteraan. Isu yang dinyatakan oleh Warren sebenarnya amat menggambarkan bahawa amalan perhambaan sememangnya telah lama wujud di Kepulauan Borneo.¹⁵

Disamping itu, amalan perhambaan juga mempunyai kaitan dengan kerajaan Brunei yang mentadbir kawasan Borneo Utara. Ini kerana, amalan perhambaan telah lama wujud dalam kalangan masyarakat tradisional di Brunei. Jatswan S. Sidhu (1995)¹⁶ turut menyentuh mengenai amalan perhambaan dalam masyarakat tradisional Brunei yang mana sistem perhambaan memang wujud dalam kaum Brunei seperti mana kaum lain. Golongan hamba yang terdapat dalam masyarakat Brunei biasanya terdiri daripada golongan yang diperolehi melalui tawanan perang dan juga diculik daripada kawasan pedalaman. Selain itu, terdapat juga kes individu yang menjadi hamba disebabkan tidak dapat membayar hutang mereka. Walau bagaimanapun, hierarki masyarakat Brunei menunjukkan sebenarnya kurang wujud hamba dalam kalangan masyarakat Brunei kerana kebanyakannya dianggap sebagai kelas bangsawan dan ini menyebabkan kaum lain menjadi sasaran untuk dijadikan hamba.

Owen Rutter (2007) turut mengulas sedikit mengenai corak amalan perhambaan yang terdapat di Borneo Utara pada ketika itu. Amalan perhambaan di Borneo Utara diamalkan oleh penduduk *Pagan* dan juga pengikut yang menganut Islam. Beliau membahagikan amalan pemilikan hamba kepada tiga kategori iaitu

¹⁵ Francis James Warren, *The Sulu Zone 1768-1898: The Dynamic of External Trade, Slavery and Ethnicity in the Transformation of a Southeast Asian Maritime State*, Singapore: NUS Press, 1981.

¹⁶ Jatswan S. Sidhu, *Sejarah Sosiekonomi Brunei 1906-1959*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995.